

22/04/1999

KDN akan teliti novel Shahnnon

ullah; Johny Giles Senin

KUALA LUMPUR, Rabu - Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan mengkaji dengan teliti novel terbaru Sasterawan Negara, Datuk Profesor Shahnnon Ahmad, bertajuk Shit yang didakwa mengandungi banyak perkataan mencarut, lucu dan menjijikkan sebelum mengambil sebarang tindakan mengenainya.

Timbalan Menteri, Datuk Ong Ka Ting, berkata mereka yang didapati bersalah menerbit dan mencetak bahan yang memudaratkan ketenteraman awam dan merosakkan moral rakyat boleh didakwa mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

"Kita kena kaji semua penerbitan dengan berhati-hati kerana ada orang yang sengaja berbuat demikian supaya dia dapat publisiti untuk melariskan buku-bukunya.

"Kerajaan yakin orang ramai tidak mudah terpengaruh dengan novel seperti ini kerana rakyat kebanyakannya adalah matang dan tahu membezakan antara bahan penerbitan yang benar dan berunsur fitnah," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai novel setebal 240 muka bertajuk Shit di kulitnya dan Pu**Mak @ PM (Novel Politik Yang Busuk Lagi Membusukkan) di bahagian dalam.

Novel itu mengandungi 15 bab, antaranya Yang Busuk, Lobang Keramat, Shit @ Pu** Mak, Gerangan Siapa Aku Ini dan Sewaktu Masih Berada Dalam Kemutan Lobang Keramat.

Shahnnon mendakwa ia adalah sebuah novel satira berbentuk juvenalia iaitu satira keras, pahit, berang, tajam dan fokusnya adalah untuk mencemuh keadaan yang hodoh.

Difahamkan, setakat ini lebih 15,000 naskah novel itu sudah dijual di Kelantan, Kedah, dan Pulau Pinang. Ia kini dicetak semula dan dijual pada harga RM15 setiap satu.

Novel itu diterbitkan oleh Pustaka Reka dari Kubang Kerian, Kelantan dan dicetak oleh PAP Sdn Bhd, Kota Bahru, Kelantan.

Ong berkata, novel karya Shahnnon itu tidak memerlukan kelulusan KDN kerana peraturan sedia ada hanya mewajibkan bahan penerbitan bersiri yang mempunyai lebih dari satu edisi perlu mendapatkan permit dari kementerian.

"Walaupun novel seperti ini tidak memerlukan permit, ia tetap tertakluk kepada pemeriksaan dan siasatan KDN dari semasa ke semasa apabila ia sudah berada dalam pasaran," katanya.

Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, pula berkata novel Shahnnon itu mempunyai motif politik kerana ia mengandungi banyak perkataan lucu ditujukan kepada kepimpinan negara.

"Saya fikir ia bermotif politik kerana dia pun seorang ahli parti pembangkang dan tentu dia nak menggunakan kedudukannya sebagai profesor dan Sasterawan Negara menerusi kebolehannya menulis untuk mempengaruhi dan meningkatkan kebencian orang ramai terhadap kepimpinan negara," katanya.

Menurutnya, beliau berasa amat kecewa dengan langkah Shahnnon menerbitkan novel sedemikian kerana ia tidak melambangkan kedudukannya sebagai seorang profesor dan Sasterawan Negara.

Sehubungan itu, beliau meminta rakyat supaya memulaukan novel itu kerana ia tidak bersifat pendidikan, tetapi bertujuan menimbulkan kebencian terhadap pucuk kepimpinan.

"Shahnnon perlu sedar bahawa dia mencapai status seorang pensyarah, profesor dan Sasterawan Negara di bawah kepimpinan negara sekarang," katanya sambil menganggap perbuatan Shahnnon itu sebagai tindakan orang

yang tidak tahu bersyukur terhadap kebaikan yang diperolehinya selama ini.

Sementara itu, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Mohd Ali Rustam, terperanjat dengan tindakan Shahnnon menulis novel yang menggunakan bahasa lucah, tidak senonoh dan memalukan.

"Tindakan itu tidak menunjukkan beliau seorang yang berilmu dan berakhlak mulia. Ini amat memalukan, bukan saja diri beliau tetapi juga negara.

"Orang yang berilmu dan berakhlak mulia tidak akan menggunakan perkataan sedemikian, apatah lagi sebagai seorang yang pernah menerima anugerah tokoh agama atau sasterawan negara," katanya yang juga Presiden Gerakan Belia 4B Kebangsaan.

Ketua Umno Bahagian Bagan Datoh, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata Shahnnon tidak sepatutnya menggunakan perkataan sedemikian walaupun karyanya itu hanyalah sebuah novel.

Menurutnya, penulisan itu juga tidak menggambarkan pendapat umum mengenai kepemimpinan negara sekarang.

"Dia (Shahnnon) ada pandangan sendiri dan itu tidak semestinya menggambarkan pendapat semua orang," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Sementara itu, Kelab Cinta Malaysia menyokong cadangan untuk mengharamkan novel tulisan Shahnnon itu, di samping mencadangkan supaya anugerah Sasterawan Negara serta gelaran Datuk yang dianugerahkan kepada Shahnnon ditarik balik.

Pengarah Pendidikannya, Zaaba Che Mat, berkata keperibadian yang digambarkan Shahnnon melalui tulisannya yang menggunakan kata-kata kesat tidak melambangkan ciri-ciri dan peribadi murni seorang Sasterawan Negara seperti sepatutnya.

"Sebagai seorang yang diberi gelaran seperti itu, beliau seharusnya mempunyai keperibadian tinggi dan murni serta lebih berhati-hati dalam setiap tutur kata dan perbuatan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Setiausaha Agung Persatuan Pengguna Islam Malaysia, Dr Maamor Osman, berkata sebagai seorang yang dianugerahkan sebagai Sasterawan Negara, Shahnnon tidak sepatutnya menggunakan bahasa kesat dan lucah dalam penulisan beliau.

"Walaupun negara ini mengamalkan kebebasan bersuara, kata-kata lucah sedemikian yang menggambarkan politik negara tidak sepatutnya dijadikan bahan penulisan semata-mata untuk menarik lebih ramai pembaca kerana ia dapat merosakkan pemikiran dan minda generasi muda negara ini," katanya.

Di PULAU PINANG, seorang penulis yang juga bekas rakan sekelas Shahnnon, Kassim Ahmad, menyifatkan Shahnnon terperangkap dalam pandangan politik ortodoks Islam.

Menurutnya, Shahnnon kini termasuk dalam kalangan orang yang terperangkap dalam taksiran agama yang ortodoks kerana mereka sendiri tidak sedar kesilapan yang dilakukan mereka.

"Dulu dia masuk kumpulan al-Arqam dan pernah menolak semua karyanya. Kemudian dia keluar dan kini menyertai Pas dan menulis novel ini. Orang seperti ini saya katakan ortodoks kerana pemikiran mereka sempit dan tidak dapat memahami masyarakat moden.

"Dalam masyarakat moden, apabila ada satu pendapat yang dianggap baru, kita perlu membahaskannya secara rasional untuk membetulkan jika salah. Tetapi kalau kita tutup mata tanpa mengkaji, saya rasa itu fanatik," katanya.

Kassim yang pernah sama-sama belajar dengan Shahnnon di Kolej Abdul Hamid, Alor Star, berkata beliau sendiri terkejut dengan novel terbaru Shahnnon itu.

"Saya rasa persekitaran politik negara sejak lima enam bulan lalu,

suasana fitnah amat meluas, dilakukan sebuah pertubuhan politik dan beberapa kalangan ulamak yang tidak setuju dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Jika mereka tak setuju dengan pendapat boleh diterima, tetapi dalam Islam melakukan fitnah adalah satu dosa besar," katanya.

Menurutnya, sebagai penulis, Shahnon tidak sepatutnya membiarkan emosi dan perasaan menguasainya, tetapi menulis berdasarkan fakta.

Sementara itu, beberapa pemimpin Umno Pulau Pinang juga turut kesal dengan penulisan novel berkenaan yang dianggap melanggar budaya bangsa Melayu dan Islam.

Ketua Penerangan Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Zain Omar, berkata bentuk penulisan seumpamanya yang menghina seseorang pemimpin adalah keterlaluan.

Menurutnya, jika Shahnon menggunakan perkataan yang tidak sedap didengar ia sama sekali merosakan budaya halus bangsa Melayu yang disanjung sejak sekian lama.

"Walaupun banyak buku sindiran termasuk terhadap pemimpin politik, menggunakan perkataan seumpamanya adalah keterlaluan dan melanggar tata susila masyarakat," katanya ketika dihubungi hari ini.

Ketua Penerangan Wanita Umno negeri, Rokiah Bee Hassan, pula berkata penulisan buku seumpamanya wajar diharamkan kerana ia boleh merosakkan minda pembaca.

Katanya, orang ramai yang membaca buku itu perlu menggunakan fikiran yang rasional dalam menilai kandungan buku berkenaan.

"Saya tidak bersetuju cara mesej buku itu cuba disampaikan oleh penulis dengan menggunakan perkataan lucah kerana kita sebagai orang Islam jika hendak marah ada hadnya," katanya.

(END)